

26 FEB 1999

MAHATHIR HADIRI MAJLIS PERKAHWINAN ANAK WAKIL RAKYAT TUALANG SEKAH

IPOH, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri majlis perkahwinan anak sulung anggota Dewan Undangan Negeri Tualang Sekah Datuk Mohd Radzi Manan di sini.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut merenjis air mawar kepada kedua-dua mempelai, Dr Nomee Ashikin Mohd Radzi dan Mohd Faizal Azumu.

Dr Nomee, 28, sedang menjalani latihan praktikal di sebuah hospital di Manchester, United Kingdom selepas menamatkan pengajian di Universiti Manchester baru-baru ini.

Suaminya, 28, yang juga anak bekas anggota Dewan Undangan Negeri Perak, merupakan seorang ahli perniagaan.

Mohd Radzi juga merupakan pengerusi eksekutif Le Proton Exhibition Group, penganjur Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi.

-- BERNAMA

HJ RON